

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@tabunghaji.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

PERPINDAHAN PEJABAT TH KUALA PERLIS KE PADANG BESAR

PADANG BESAR, Jumaat, 19 Mei 2017: Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini secara rasmi membuka cawangannya di Padang Besar sebagai usaha memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada para pendepositnya di Daerah Padang Besar, Perlis dan sekitarnya. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Khairi bin Hassan, Exco Agama Negeri Perlis mewakili YAB Dato' Seri Azlan bin Man, Menteri Besar Perlis.

"Pembukaan Pejabat Tabung Haji Padang Besar ini pasti memudahkan para penduduk Padang Besar untuk melaksanakan urusan simpanan dan haji masing-masing. Diharapkan agar penduduk-penduduk Islam di kawasan sekitar Padang Besar yang terdiri dari peneroka felda, pekerja ladang, peniaga dan pekerja sektor awam/swasta dan umat Islam di Perlis seluruhnya, dapat mengambil peluang untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan Tabung Haji yang disediakan di pejabat ini," kata YB Dato' Haji Khairi bin Hassan. Perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah urusan simpanan, pengeluaran, mengemaskini akaun, penamaan waris, Hibah Amanah **TH**, pendaftaran haji dan sebagainya.

Perpindahan ke cawangan baharu ini membuktikan **TH** sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat Islam selaras dengan visinya menjadi tonggak kejayaan ekonomi ummah. Selain daripada memberikan akses terbaik, ia juga memenuhi keperluan dan permintaan para pendeposit dalam memperkasa dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.

Turut hadir pada majlis perasmian ini adalah YBhg. Tan Sri Dato' Paduka Badruddin Amirul din, Ahli Lembaga Pengarah **TH**, YBhg. Dato' Adi Azuan Abdul Ghani, Ketua Pegawai Operasi **TH**, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pengarah Negeri **TH** dan anggota **TH**.

Para pendeposit yang mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan perkhidmatan **TH**, mereka boleh berhubung terus dengan **TH** Contact Centre (THCC) di talian **03 - 6207 1919** atau emel kepada th-info@lth.gov.my.

- Tamat –

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.